

CADANGAN PINDAAN PERLEMBAGAAN

TAHUN 2015 (EGM 11.8.2018)	AKAN DIPINDA (TERKINI)	ULASAN
<p align="center">PERLEMBAGAAN BAGI PERTUBUHAN INDUK PERSATUAN KEBAJIKAN ANAK-ANAK PAHANG DI IBU KOTA (PEKAP) (PPM-005-14-27091966)</p> <p>FASAL 1 NAMA</p> <p>(1) Pertubuhan ini dikenali dengan nama PERSATUAN KEBAJIKAN ANAK-ANAK PAHANG DI IBU KOTA (PEKAP) Selepas ini disebut “Pertubuhan”</p> <p>(2) Takrif Nama : Pekap Adalah Berdasarkan Kepada Kebajikan Ahli Bersemangat Setiakawan, Bekerjasama Dan Saling Membantu</p> <p>(3) Taraf Pertubuhan : Lain-lain</p> <p>FASAL 2 TEMPAT URUSAN</p> <p>1. Alamat berdaftar dan tempat urusan pertubuhan ialah NO 7-3 TINGKAT 2, 8 SETIAWANGSA, JALAN SETIAWANGSA 13, TAMAN SETIAWANGSA, 54200 KUALA LUMPUR. WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR.</p> <p>Dan alamat untuk surat-menyurat adalah NO 7-3 TINGKAT 2, 8 SETIAWANGSA, JALAN SETIAWANGSA 13, TAMAN SETIAWANGSA, 54200 KUALA LUMPUR. WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR.</p> <p>atau di tempat lain atau tempat-tempat yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa.</p> <p>2. Tempat urusan berdaftar dan alamat surat menyurat Pertubuhan tidak boleh di ubah tanpa kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.</p>	<p>FASAL 1 NAMA</p> <p><u>Pindaan Fasal 1 Klausula 1.1:</u></p> <p>1.1 Nama Pertubuhan ini ialah Persatuan Kebajikan Anak-Anak Pahang Di Ibu Kota.</p> <p><u>Pindaan Fasal 1 Klausula 1.2:</u></p> <p>1.2 Singkatan nama Persatuan ini adalah “PEKAP”.</p> <p>1.3 Takrif Nama: PEKAP adalah berasaskan kepada Kebajikan Ahli, Bersemangat Setiakawan, Bekerjasama dan Saling Membantu</p> <p>FASAL 2 TEMPAT URUSAN</p> <p>2.1 Alamat berdaftar dan tempat urusan PEKAP ialah</p>	<p>Memperbetulkan format bilangan tajuk dan sub-tajuk setiap Fasal dan Klausula yang berkaitan, untuk pemahaman yang lebih senang.</p> <p>1.1 Memperkemas dan menerangkan nama Pertubuhan yakni PEKAP</p> <p>1.2 Menukarkan setiap perkataan “Pertubuhan” kepada “PEKAP” sahaja di mana mana Fasal atau Klausula di dalam Perlembagaan ini.</p> <p>2.1 Nama Persatuan ke “PEKAP” sahaja.</p>

TAHUN 2015 (EGM 11.8.2018)	AKAN DIPINDA (TERKINI)	ULASAN
<p>FASAL 3 TUJUAN/MATLAMAT</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menjalankan kegiatan dan membantu ahli menjadi aktif di dalam bidang kebajikan, ekonomi, sosial dan sukan. 2. Memupuk semangat kekeluargaan (esprit de corps) di antara ahli-ahli. 	<p>FASAL 3 TUJUAN/MATLAMAT</p> <p><u>Pindaan Fasal 3 Klausa 1:</u></p> <p>3.1 Menjalankan kegiatan dan membantu ahli di dalam bidang: -</p> <ol style="list-style-type: none"> (a) Kebajikan; (b) Ekonomi; (c) Sosial dan sukan; (d) Pendidikan; dan (e) lain-lain perkara yang difikirkan perlu. <p>3.2 Memupuk semangat kekeluargaan (esprit de corps) diantara ahli-ahli PEKAP</p> <p><u>Pindaan Fasal 3 Klausa 3:</u></p> <p>3.3 Bekerjasama dalam bidang-bidang yang diperlukan dengan Kerajaan Negeri Pahang atau Kerajaan Persekutuan selaras dengan tujuan PEKAP.</p> <p><u>Pindaan Fasal 3 Klausa 4:</u></p> <p>3.4 Memperkasakan adat resam, warisan, dan budaya Negeri Pahang, supaya identitinya sentiasa dijaga.</p>	<p>3.1 Menambahkan kegiatan-kegiatan serta bidang bidang di dalam aspek kebajikan PEKAP</p> <p>3.2 Nama Persatuan ke “PEKAP” sahaja.</p> <p>3.3 Bekerjasama dengan Kerajaan Negeri serta Kerajaan Persekutuan</p> <p>3.4 Memupuk nilai nilai adat resam, warisan dan budaya orang Pahang.</p>
<p>FASAL 4 KEAHLIAN</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Kriteria keahlian Pertubuhan ini adalah seperti berikut: - <ol style="list-style-type: none"> A. Ahli Biasa <ol style="list-style-type: none"> i. Kewarganegaraan : Malaysia ii. Umur Minima : 18 Tahun iii. Kawasan / Negeri Tempat Tinggal Ahli : Lembah Klang iv. Keturunan / Bangsa : Tiada Maklumat v. Jantina : Lelaki dan Perempuan 	<p>FASAL 4 KEAHLIAN</p> <p><u>Pindaan Fasal 4 Klausa 1:</u></p> <p>4.1 Kriteria keahlian PEKAP adalah terdiri dari salah satu seperti berikut: -</p> <ol style="list-style-type: none"> A. Ahli Biasa <ol style="list-style-type: none"> i. Kewarganegaraan: Malaysia ii. Umur Minima: 18 Tahun 	

<p>vi. Agama : semua</p> <p>vii. Kriteria Keahlian Yang Lain : Amanah, Kreatif, Rajin Memajukan Pertubuhan, Tidak Membuat Keputusan Di Belakang AJK Pertubuhan, Suka Berkongsi Idea Dan Tidak Mementing Nama dan Pangkat Dalam Memajukan Pertubuhan.</p> <p>B. Ahli Bersekutu Suami atau isteri yang sah yang terdiri dari kalangan ahli (walaupun bukan anak Pahang) boleh memohon menjadi Ahli Bersekutu tetapi tidak berhak mengundi dalam Mesyuarat Agung dan tidak boleh dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Pertubuhan.</p> <p>C. Ahli Seumur Hidup Terbuka kepada semua ahli biasa yang membayar yuran seumur hidup.</p>	<p>iii. Kawasan / Negeri Tempat Tinggal Ahli: WP Kuala Lumpur, Putrajaya dan Lembah Klang</p> <p>iv. Keturunan / Bangsa: semua</p> <p>v. Jantina: Lelaki/Perempuan</p> <p>vi. Agama: semua</p> <p><u>Penambahan Fasal 4.2 dan 4.3: -</u></p> <p>4.2 Kewajipan Ahli-Ahli: -</p> <p>(a) Menjunjung Kedaulatan Perlembagaan Negara dan Perlembagaan PEKAP;</p> <p>(b) Berikhtiar menjayakan keputusan Mesyuarat Agung PEKAP;</p> <p>(c) Mempereratkan tali persaudaraan dan kekeluargaan antara ahli-ahli di dalam PEKAP;</p> <p>(d) Membayar yuran pendaftaran dan yuran tahunan yang ditetpkan; dan</p> <p>(e) Menyempurnakan segala kerja, rancangan dan program yang diminta untuk dilaksanakan oleh Jawatankuasa Kecil PEKAP atau Biro Biro yang ditubuhkan oleh Jawatankuasa PEKAP.</p> <p><u>Pindaan Fasal 4 Klausu 1 (A)(vii):</u></p> <p>4.3 Kriteria Keahlian Yang Lain: -</p> <p>(a) Beramanah;</p> <p>(b) Kreatif;</p> <p>(c) Rajin Memajukan PEKAP;</p> <p>(d) Menyokong keputusan ahli-ahli Jawatankuasa PEKAP;</p> <p>(e) Sentiasa memberi idea-idea dan cadangan yang positif kepada Jawatankuasa PEKAP; dan</p> <p>(f) Tidak mementingkan nama dan pangkat dalam memajukan PEKAP.</p>	<p>Penambahan kewajipan ahli-ahli PEKAP</p> <p>Pindaan Fasal 4 Klausu 1 (A)(vii) kriteria keahlian</p>
---	--	--

TAHUN 2015 (EGM 11.8.2018)	AKAN DIPINDA (TERKINI)	ULASAN
<p>2) Setiap permohonan menjadi ahli hendaklah dicadangkan dan disokong oleh ahli dan dihantar kepada Setiausaha yang dikehendaki mengemukakan permohonan itu dengan secepat mungkin kepada Jawatankuasa untuk dipertimbangkan. Jawatankuasa boleh mengikut budi bicaranya menolak sebarang permohonan tanpa memberi sebab-sebabnya.</p> <p>3) Tiap-tiap pemohon yang pemohonannya telah diluluskan seperti yang tersebut diatas, hendaklah setelah membayar bayaran masuk dan yuran pertama seperti yang ditetapkan, hendaklah diterima menjadi ahli Pertubuhan dan hendaklah ia sebagai ahli.</p> <p>FASAL 5 PERBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI</p> <p>1. Ahli yang hendak berhenti daripada menjadi ahli Pertubuhan hendaklah memberi kenyataan bertulis dua (2) minggu terlebih dahulu kepada Setiausaha dan menjelaskan segala hutangnya.</p> <p>2. Mana-mana ahli yang gagal mematuhi perlembagaan Pertubuhan atau bertindak dengan cara yang akan mencemarkan nama baik Pertubuhan boleh dipecat atau digantung keahliannya bagi satu tempoh masa yang difikirkan munasabah oleh Jawatankuasa. Sebelum Jawatankuasa memecat atau menggantung keahlian ahli tersebut, ahli itu hendaklah diberitahu akan sebab-sebab bagi pemecatan atau penggantungannya secara bertulis. Ahli tersebut juga hendaklah diberi peluang untuk memberi penjelasan dan membela dirinya. Pemecatan atau penggantungannya itu hendaklah dilaksanakan melainkan Mesyuarat Agung menunda atau membatalkan keputusan itu atas rayuan oleh ahli tersebut.</p>	<p>vii. Seorang yang tidak muflis dan tidak pernah dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah.</p> <p>viii. Pemohon hendaklah lahir di negeri Pahang; atau</p> <p>ix. Samada ibu atau bapanya lahir di negeri Pahang; atau</p> <p>i. Ibu atau bapa adalah ahli PEKAP.</p> <p>Setiap permohonan untuk menjadi ahli PEKAP adalah di atas kelulusan Jawatankuasa PEKAP.</p> <p><u>Penambahan perkataan di dalam Tajuk Fasal 5</u></p> <p>FASAL 5 PEMBERHENTIAN DAN <u>DISIPLIN</u></p> <p>5.1 Ahli yang hendak berhenti daripada menjadi ahli PEKAP hendaklah memberi kenyataan bertulis dua (2) minggu terlebih dahulu kepada Setiausaha dan menjelaskan segala hutangnya.</p> <p>5.2 Mana-mana ahli yang gagal mematuhi perlembagaan PEKAP atau bertindak dengan cara yang akan mencemarkan nama baik PEKAP boleh dipecat atau digantung keahliannya bagi satu tempoh masa yang difikirkan munasabah oleh Jawatankuasa. Sebelum Jawatankuasa memecat atau menggantung keahlian ahli tersebut, ahli itu hendaklah diberitahu akan sebab-sebab bagi pemecatan atau penggantungannya secara bertulis.</p> <p><u>Penambahan Fasal 5 Klausula 5.3</u></p> <p>5.3 Ahli yang tidak memberi maklum balas secara bertulis ke atas surat tuduhan dalam tempoh masa 30 hari dari tarikh surat tuduhan di hantar, samada melalui tangan atau pos berdaftar, keahliannya akan digugurkan oleh PEKAP.</p> <p><u>Pindaan Fasal 5 Klausula 5.4:</u></p> <p>5.4 Sebelum sesuatu hukuman dijatuhkan kepada ahli, ahli tersebut diberi peluang untuk memberi penjelasan dan membela diri kepada Jawatankuasa Tatatertib.</p>	<p>4.1 Memperluaskan skop kriteria keahlian supaya lebih ramai orang Pahang dapat menyertai PEKAP sebagai ahli.</p> <p>Kelulusan atas budi bicara Jawatankuasa PEKAP.</p> <p>Penambahan perkataan “Disiplin” dalam Fasal 5 selaras dengan penubuhan Jawatankuasa Tatatertib.</p> <p>5.1 dan 5.2 Nama Persatuan ke “PEKAP” sahaja.</p> <p>5.3 Menetapkan jangkasamasa untuk petuduh memberi maklum balas.</p> <p>5.4 Menubuhkan Jawatankuasa Tatatertib dan Jawatankuasa Rayuan untuk mengendalikan isu-isu pemberhentian dan disiplin ahli-ahli PEKAP.</p>

Pindaan Fasal 5 Klaus 5.5:

5.5 Jawatankuasa Tatatertib adalah Jawatankuasa yang terdiri daripada Naib Presiden, Bendahari, Setiausaha Agung bersama mana-mana dua (2) orang ahli Jawatankuasa. Jawatankuasa Tatatertib ini bertanggungjawab untuk mendengar, menyiasat dan mencadangkan keputusan tindakan kepada Jawatankuasa PEKAP untuk membuat keputusan.

Pindaan Fasal 5 Klaus 5.6:

5.6 Sekiranya ada daripada ahli Jawatankuasa Tatatertib yang tersabit dalam mana-mana tuduhan, maka ia akan digantikan dengan mana-mana ahli daripada Jawatankuasa PEKAP.

5.5 Menyatakan jumlah ahli anggota di dalam Jawatankuasa Tatatertib.

5.6 Kuasa Jawatankuasa PEKAP untuk menggantikan ahli di dalam Jawatankuasa Tatatertib, sekiranya ada ahli di dalam Jawatankuasa Tatatertib yang tersabit dengan apa-apa tuduhan.

TAHUN 2015 (EGM 11.8.2018)	AKAN DIPINDA (TERKINI)	ULASAN
	<p><u>Pindaan Fasal 5 Klausu 7:</u></p> <p>5.7 Jika mana-mana ahli yang telah dikenakan tindakan oleh Jawatankuasa Tatatertib, tidak berpuas hati dengan tindakan yang dikenakan keatasnya, samada dipecat atau digantung keahliannya, ahli tersebut boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Rayuan.</p> <p><u>Pindaan Fasal 5 Klausu 8:</u></p> <p>5.8 Jawatankuasa Rayuan adalah jawatankuasa yang terdiri daripada dua (2) orang penasihat yang dilantik oleh Jawatankuasa PEKAP, Presiden dan Timbalan Presiden sebagai wakil kepada PEKAP. Apa-apa keputusan daripada Jawatankuasa Rayuan adalah muktamad.</p> <p><u>Pindaan kepada format bilangan dari 7 ke 5.9:</u></p> <p>5.9. Jikalau ada ahli yang terlibat dalam mana-mana Pertubuhan yang bersifat atau bertujuan yang hampir serupa atau menyerupai Pertubuhan PEKAP, keahliannya boleh digugurkan setelah dipersetujui oleh Jawatankuasa PEKAP.</p>	<p>Hak rayuan dari Jawatankuasa Tatatertib ke Jawatankuasa Rayuan.</p> <p>Menyatakan jumlah ahli anggota di dalam Jawatankuasa Rayuan.</p> <p>Pindaan ke atas format bilangan.</p>

TAHUN 2015 (EGM 11.8.2018)	AKAN DIPINDA (TERKINI)	ULASAN
<p>FASAL 6 SUMBER KEWANGAN</p> <p>1. Sumber kewangan Pertubuhan ini adalah daripada :</p> <p>1. Bayaran Masuk : RM 10.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Sahaja)</p> <p>2. Yuran Tahunan : (Ahli Biasa) RM 50.00 (Ringgit Malaysia Lima Puluh Sahaja)</p> <p>a) Yuran tahunan hendaklah dijelaskan kepada Bendahari terlebih dahulu dalam masa tempoh 7 hari <u>Bulan</u> Januari setiap tahun.</p> <p>b) Yuran Seumur Hidup (perlu dijelaskan semasa permohonan menjadi ahli) RM 200.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Sahaja) perlu dijelaskan sekali sahaja seumur hidup.</p> <p>c) Ahli yang membiarkan hutang yurannya lebih dari <u>dua (2) tahun</u> akan menerima peringatan yang ditandatangani oleh atau wakil Setiausaha dan hilanglah hak-hak keistimewaannya sebagai ahli sehingga hutangnya telah dijelaskan.</p> <p>d) Jawatankuasa mempunyai kuasa menetapkan yuran masuk semula bagi sesiapa yang telah membiarkan keahliannya terlucut disebabkan hutangnya.</p> <p>e) Jawatankuasa mempunyai kuasa menetapkan yuran masuk semula bagi sesiapa yang telah membiarkan keahliannya terlucut disebabkan hutangnya.</p>	<p>FASAL 6 SUMBER KEWANGAN</p> <p>Sumber kewangan PEKAP ini adalah daripada:</p> <p>1. Bayaran Masuk: RM 10.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Sahaja)</p> <p><u>Pindaan Fasal 6 Klausa 2:</u> 2. Yuran Tahunan (Ahli Biasa): RM 50.00 (Ringgit Malaysia Lima Puluh Sahaja)</p> <p>a) Yuran tahunan hendaklah dijelaskan kepada Bendahari terlebih dahulu dalam masa tempoh 7 hari dalam Bulan Januari tiap-tiap tahun. Tunggakan yuran bermula dari Mac setiap tahun.</p> <p><u>Pindaan Fasal 6 Klausa (b) – (f):</u> b) Yuran Seumur Hidup (perlu dijelaskan semasa permohonan menjadi ahli) RM 200.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Sahaja). Mana mana ahli yang telah membayar Yuran Tahunan pada tahun bayaran yang sama, boleh menjadi ahli seumur hidup dengan syarat membayar baki tertunggak daripada jumlah keseluruhan RM200.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Sahaja).</p> <p>c) Ahli yang membiarkan hutang yuran tahunannya satu tahun (1) tahun tertunggak akan menerima Notis Peringatan yang ditandatangani oleh atau wakil Setiausaha, akan di gantung keahlian mereka dan hilanglah hak-hak keistimewaannya sebagai ahli sehingga hutangnya telah dijelaskan.</p> <p>d) Ahli yang membiarkan hutangnya sebanyak lebih dari jumlah yuran tiga (3) tahun berturut-turut dengan sendirinya terhenti daripada menjadi ahli PEKAP dan Jawatankuasa boleh memerintahkan supaya tindakan yang sah diambil terhadapnya dengan syarat mereka berpuas hati yang ahli itu telah menerima kenyataan berkenaan hutangnya terlebih dahulu.</p> <p>e) Dipadamkan.</p>	<p>Nama Persatuan ke “PEKAP” sahaja.</p> <p>6.2 Penambahan perkataan “Ahli Biasa” selepas Fasal 6.2, tajuk Yuran Tahunan, untuk membezakan dengan yuran Ahli Biasa dan yuran Ahli Tahunan.</p> <p>6(b) Memberi peluang dan mempermudah ahli-ahli PEKAP yang ingin menjadi ahli seumur hidup dengan bayaran yang tidak membebaskan.</p> <p>6(c) Menukarkan jangkamasa dari dua (2) tahun ke satu (1) tahun dan menambah perkataan “Notis” supaya lebih tegas.</p> <p>6(d) Jangkamasa tiga (3) tahun berturut-turut tidak membayar yuran sebagai had muktamad ahli akan di hentikan daripada menjadi ahli PEKAP.</p>

<p>3. Sumbangan</p> <p>a) Pertubuhan ini dibenarkan untuk mengutip dan menerima sumbangan dalam bentuk wang dan barangan. Sumbangan berbentuk wang hendaklah diisytiharkan dengan jelas dan tepat dalam Penyata Tahunan Pertubuhan.</p> <p>b) Kutipan derma dari orang ramai dengan syarat pengesahan daripada Pendaftar Pertubuhan dan kebenaran daripada pihak berkuasa berkenaan di perolehi terlebih dahulu.</p> <p>4. Kegiatan Ekonomi</p> <p><u>Pertubuhan</u> ini boleh menjalankan kegiatan ekonomi seperti menjual, membeli, melabur, menyewa, memiliki harta alih dan tak alih serta lain-lain kegiatan ekonomi. Semua wang dan keuntungan yang didapati oleh <u>persatuan</u> ini hasil dari penyertaannya dalam mana-mana perniagaan dan pelaburan akan digunakan semata-mata untuk melanjutkan, memajukan dan menjalankan tujuan-tujuan <u>persatuan</u> ini, dan tidak sebahagian pun daripada wang atau keuntungan itu akan digunakan untuk membayar faedah, keuntungan atau bonus kepada sesiapa ahli atau pekerja <u>Pertubuhan</u>. Sungguhpun begitu, peruntukan ini tidak menghalang sebarang pembayaran yang dibuat dengan tujuan baik untuk membayar denda ahli yang dijatuhkan hukuman di mahkamah.</p>	<p>f)Dipadamkan.</p> <p><u>Pindaan Fasal 6 Klausa 3(b):</u></p> <p>6.3 (b) PEKAP boleh menerima sumbangan dalam bentuk derma, barangan dan kutipan dari orang ramai dengan mendapat kelulusan dari Ahli Jawatankuasa PEKAP. Sumbangan berbentuk wang hendaklah diisytiharkan dengan jelas dan tepat dalam Penyata Tahunan PEKAP.</p> <p><u>Pindaan Fasal 6 Klausa (4):</u></p> <p>PEKAP boleh menjalankan kegiatan ekonomi seperti menjual, membeli, melabur, menyewa, memiliki harta alih dan tak alih serta lain-lain kegiatan ekonomi. Semua wang dan keuntungan yang didapati oleh PEKAP ini hasil dari penyertaannya dalam mana-mana perniagaan dan pelaburan akan digunakan semata-mata untuk melanjutkan, memajukan dan menjalankan tujuan-tujuan PEKAP ini, dan tidak sebahagian pun daripada wang atau keuntungan itu akan digunakan untuk membayar faedah, keuntungan atau bonus kepada sesiapa ahli atau pekerja PEKAP. Sungguhpun begitu, peruntukan ini tidak menghalang sebarang pembayaran yang dibuat dengan tujuan baik untuk membayar denda ahli yang dijatuhkan hukuman di mahkamah.</p>	<p>6.4 Nama Persatuan ke “PEKAP” sahaja.</p>
--	---	--

<p>FASAL 7 MESYUARAT AGUNG</p> <p>1. Pengelola Pertubuhan ini terserah kepada Mesyuarat Agung ahli-ahli. Sekurang-kurangnya setengah daripada jumlah ahli-ahli yang berhak mengundi atau dua (2) kali jumlah ahli-ahli Jawatankuasa mengikut yang mana kurang hendaklah hadir di dalam Mesyuarat Agung bagi mengesahkan perjalanan mesyuarat dan mencukupi bilangan (korum).</p> <p>2. Jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam daripada waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat maka mesyuarat tersebut hendaklah ditangguh kepada suatu tarikh (tidak melebihi 30 hari) yang ditetapkan oleh <u>jawatankuasa</u> dan jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat yang telah ditangguh itu, maka berkuasalah ahli-ahli yang hadir menjalankan mesyuarat tersebut tetapi tidaklah berkuasa untuk mengubah undang-undang Pertubuhan ini dan membuat keputusan-keputusan yang melibatkan semua ahli-ahli.</p> <p>3. Mesyuarat Agung Tahunan bagi Pertubuhan ini hendaklah di adakan dalam tempoh 12 bulan daripada tarikh Mesyuarat Agung Tahunan terakhir pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa. Perkara-perkara yang perlu dibentangkan ialah:</p> <ol style="list-style-type: none"> a) Menerima Laporan Jawatankuasa berkenaan kewangan pertubuhan ini dalam tahun lalu. b) Menerima laporan Bendahari dan Penyata kewangan yang telah di edit bagi tahun yang lalu. c) Melantik ahli-ahli Jawatankuasa dan Pemeriksa Kira-kira untuk tahun yang akan datang. d) Membincangkan lain-lain perkara yang dibentangkan dalam mesyuarat. e) Membincangkan usul-usul yang telah di terima oleh Mesyuarat Ahli Jawatankuasa. 	<p>FASAL 7 MESYUARAT AGUNG</p> <p><u>Pindaan Fasal 7 Klausula 2:</u></p> <p>7.2 Jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam daripada waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat maka mesyuarat tersebut hendaklah ditangguh kepada suatu tarikh (tidak melebihi 30 hari) yang ditetapkan oleh Jawatankuasa dan jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat yang telah ditangguh itu, maka berkuasalah ahli-ahli yang hadir menjalankan mesyuarat tersebut tetapi tidaklah berkuasa untuk mengubah undang-undang PEKAP ini dan membuat keputusan-keputusan yang melibatkan semua ahli-ahli.</p> <p>7.3 Mesyuarat Agung Tahunan bagi PEKAP ini hendaklah diadakan dalam tempoh 12 bulan daripada tarikh Mesyuarat Agung Tahunan terakhir pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa. Perkara-perkara yang perlu dibentangkan ialah :</p>	<p>7.2 Nama Persatuan ke “PEKAP” sahaja.</p> <p>7.3 Nama Persatuan ke “PEKAP” sahaja.</p>
--	---	---

TAHUN 2015 (EGM 11.8.2018)	AKAN DIPINDA (TERKINI)	ULASAN
<p>4. Setiausaha hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahi sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum Mesyuarat Agung Tahunan diadakan, satu pengumuman mesyuarat yang menerangkan tarikh, waktu dan tempat serta satu agenda (acara mesyuarat) termasuk salinan-salinan peringatan mesyuarat dan laporan-laporan <u>berserta</u> dengan penyata kira-kira Pertubuhan ini bagi tahun lalu yang telah <u>diodit</u>. Salinan surat surat ini juga hendaklah dibekalkan untuk dibaca oleh ahli-ahli di alamat berdaftar atau ditempat mesyuarat Pertubuhan.</p> <p>5. Mesyuarat Agung Khas bagi Pertubuhan ini boleh diadakan :</p> <p>a) Bila difikirkan mustahak oleh Jawatankuasa, atau</p> <p>b) Atas permintaan beramai-ramai dengan bertulis tidak kurang daripada satu perempat (1/4) daripada jumlah ahli yang berhak mengundi dengan menerangkan tujuan-tujuan dan sebab-sebab mengadakannya.</p> <p>6. Mesyuarat Agung Khas yang diminta oleh ahli-ahli hendaklah diadakan pada satu tarikh didalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh penerimaan permintaan mesyuarat itu.</p> <p>7. Pengumuman dan agenda untuk Mesyuarat Agung Khas itu hendaklah diedarkan oleh Setiausaha kepada semua ahli-ahli sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum tarikh yang telah ditetapkan untuk bermesyuarat.</p> <p>8. Bilangan (1) dan (2) dalam Fasal 7 Perlembagaan ini berkenaan korum dan penangguhan Mesyuarat Agung Tahunan boleh digunakan untuk Mesyuarat Agung Khas tetapi dengan syarat jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam dari waktu yang telah ditetapkan bagi Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli-ahli maka mesyuarat itu hendaklah dibatalkan dan dalam masa enam (6) bulan daripada tarikh ini Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli-ahli dengan tujuan yang sama tidaklah boleh diadakan.</p>	<p><u>Pindaan Fasal 7 Klausa 4</u></p> <p>7.4 Setiausaha hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahi sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum Mesyuarat Agung Tahunan diadakan, satu pengumuman mesyuarat yang menerangkan tarikh, waktu dan tempat serta atau agenda (acara mesyuarat) termasuk salinan-salinan peringatan mesyuarat dan laporan-laporan berserta dengan penyata kira-kira PEKAP ini bagi tahun lalu yang telah diaudit. Salinan surat surat ini juga hendaklah dibekalkan untuk dibaca oleh ahli-ahli di alamat berdaftar atau ditempat mesyuarat PEKAP.</p>	<p>7.4 Nama Persatuan ke "PEKAP" sahaja.</p>

TAHUN 2015 (EGM 11.8.2018)	AKAN DIPINDA (TERKINI)	ULASAN
<p>FASAL 8 JAWATANKUASA</p> <p>1. Satu Jawatankuasa seperti berikut yang dinamakan Pegawai Pegawai Pertubuhan hendaklah dipilih dua (2) tahun sekali didalam Mesyuarat Agung Tahunan:</p> <p><u>Seorang Yang DiPertua</u> <u>Seorang Timbalan Yang DiPertua</u> <u>Seorang Naib Yang Dipertua</u> <u>Sepuluh (10) orang Ahli Jawatankuasa Biasa</u> <u>Seorang Setiausaha Agung dilantik oleh Yang DiPertua</u> <u>Seorang Bendahari dilantik oleh Yang DiPertua</u> <u>Lima (5) orang Ahli Jawatankuasa Biasa dilantik oleh Yang DiPertua</u></p> <p>Mereka boleh dilantik daripada calon yang dipilih dalam Mesyuarat Agung atau lantikan terus dikalangan ahli dan mereka akan memegang jawatan selama dua (2) tahun hingga ke Mesyuarat Agung Tahunan yang berkenaan selepas genap tempoh dua (2) tahun.</p> <p>2. Pemegang-pemegang jawatan Pertubuhan ini dan tiap-tiap pegawai yang menjalankan tugas-tugas eksekutif dalam Pertubuhan ini hendaklah warganegara Malaysia.</p>	<p><u>Pindaan FASAL 8 JAWATANKUASA</u></p> <p>8.1 Satu Jawatankuasa seperti berikut yang dinamakan Pegawai Pegawai PEKAP hendaklah dipilih dan diberi kuasa mentadbir selama tiga (3) tahun sekali di dalam Mesyuarat Agung Tahunan. Mereka adalah terdiri dari :-</p> <p>8.1(a) Seorang (1) Presiden 8.1(b) Seorang (1) Timbalan Presiden 8.1(c) Seorang (1) Naib Presiden 8.1(d) Sepuluh (10) orang Ahli Jawatankuasa Biasa 8.1(d) Dua (2) orang Pemeriksa Kira-Kira</p> <p>8.1(e) Presiden berhak melantik: -</p> <p>8.1(e) (i) Seorang (1) Setiausaha Agung 8.1(e) (ii) Seorang (1) Penolong Setiausaha Agung 8.1(e)(iii) Seorang (1) Bendahari 8.1(e)(iv) Seorang (1) Penolong Bandahari 8.1(e)(v) Seorang (1) Ketua Penerangan 8.1(e)(vi) Lima (5) orang Ahli Jawatankuasa Biasa</p> <p>Presiden juga berhak untuk memecat mana mana Ahli Jawatankuasa yang dilantik.</p>	<p>Pindaan dari dua (2) tahun ke tiga (3) tahun pada kuasa mentadbir.</p> <p>Pindaan ke atas nama-nama berikut: - “Yang DiPertua” kepada “Presiden” “Timbalan Yang DiPertua kepada “Timbalan Presiden” “Naib Yang DiPertua” ke “Naib Presiden</p> <p>Menjelaskan bilangan nombor pegawai-pegawai di dalam Jawatankuasa PEKAP.</p> <p>Memberi hak kuasa Presiden untuk melantik dan memecat ahli yang dilantiknya sendiri.</p>

TAHUN 2015 (EGM 11.8.2018)	AKAN DIPINDA (TERKINI)	ULASAN
<p>3. Nama-nama untuk jawatan-jawatan yang di atas hendaklah dicadangkan dan disokong dan pemilihan dijalankan dengan cara mengundi oleh ahli-ahli di dalam Mesyuarat Agung Tahunan. Semua pegawai-pegawai boleh dilantik semula tiap-tiap dua (2) tahun.</p> <p>4. Fungsi Jawatankuasa ialah mengelola dan mengaturkan kerja-kerja harian Pertubuhan ini dan membuat keputusan atas perkara-perkara mengenai perjalanan Pertubuhan dengan tidak terkeluar dari dasar umum yang ditetapkan oleh Mesyuarat Agung. Jawatankuasa seterusnya <u>tidaklah oleh</u> membuat tindakan bertentangan dengan keputusan Mesyuarat Agung. Jawatankuasa hendaklah memberi laporannya berkenaan kegiatan-kegiatannya di dalam tahun lalu kepada tiap-tiap Mesyuarat Agung Tahunan.</p>	<p><u>Pindaan Fasal 8 Klausa 3:</u></p> <p>8.3 Nama-nama untuk jawatan-jawatan yang di atas hendaklah dicadangkan dan disokong dan pemilihan dijalankan dengan cara mengundi oleh ahli-ahli di dalam Mesyuarat Agung Tahunan. Ahli ahli Jawatankuasa yang memegang mana-mana jawatan, boleh memegang jawatan tersebut hanya selama dua (2) penggal sahaja dan ahli tersebut boleh dilantik semula selepas satu (1) penggal.</p> <p>Semua pegawai-pegawai boleh dilantik semula tiap-tiap tiga (3) tahun.</p> <p><u>Pindaan Fasal 8 Klausa 3 – penambahan peranggan baru</u></p> <p>8.3 Ahli-ahli yang ingin bertanding bagi jawatankuasa di atas, tidak boleh tergolong daripada orang mufliis atau bankrup dan penjenayah sekiranya masih disabitkan dengan mana-mana kesalahan di dalam undang-undang Malaysia.</p> <p>8.4 Ahli-ahli yang ingin bertanding bagi jawatankuasa di atas perlu mendapatkan Surat Akuan Sumpah daripada Pesuruhjaya Sumpah terlebih dahulu sebelum bertanding untuk mana-mana jawatan.</p> <p><u>Pindaan Fasal 8 Klausa 4:</u></p> <p>8.4. Fungsi Jawatankuasa ialah mengelola dan mengaturkan kerja-kerja harian PEKAP ini dan membuat keputusan atas perkara-perkara mengenai perjalanan PEKAP dengan tidak terkeluar dari dasar umum yang ditetapkan oleh Mesyuarat Agung. Jawatankuasa seterusnya tidak boleh membuat tindakan bertentangan dengan keputusan Mesyuarat Agung. Jawatankuasa hendaklah memberi laporannya berkenaan kegiatan-kegiatannya di dalam tahun lalu kepada tiap-tiap Mesyuarat Agung Tahunan</p>	<p>8.4 Memberi jangkamasa yang berpatutan kepada ahli-ahli Jawatankuasa untuk menjalankan tugas masing-masing.</p> <p>Mematuhi Akta Kebankrupan 1967 dan Akta Pertubuhan 1966, serta menjaga integriti dan kepercayaan kepada ahli-ahli PEKAP. Juga untuk memastikan mana-mana ahli Jawatankuasa PEKAP sentiasa melakukan tugas-tugas atas dasar “bona fide” – niat yang baik.</p> <p>8.4 Nama Persatuan ke “PEKAP” sahaja.</p>

5. Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam 3 bulan. Pengumuman bagi tiap-tiap mesyuarat hendaklah diberikan kepada ahli-ahli Jawatankuasa tujuh (7) hari terlebih dahulu. Yang DiPertua dengan bersendirian atau tidak kurang daripada empat (4) orang Ahli Jawatankuasa bersama-sama boleh memanggil supaya diadakan Mesyuarat Jawatankuasa pada bila-bila masa. Sekurang-kurangnya setengah daripada bilangan ahli-ahli Jawatankuasa hendaklah hadir bagi mengesahkan perjalanan dan mencukupi korum mesyuarat.

TAHUN 2015 (EGM 11.8.2018)	AKAN DIPINDA (TERKINI)	ULASAN
<p>6. Jika timbul perkara mustahak yang berkehendakkan kelulusan Jawatankuasa dan mesyuarat Jawatankuasa tidak dapat diadakan, maka Setiausaha bolehlah mendapatkan kelulusan daripada Jawatankuasa dengan surat pekeliling. Syarat-syarat yang berikut hendaklah disempurnakan sebelum keputusan Jawatankuasa boleh dianggap sebagai telah diterima.</p> <p>a) Masalah yang dibangkitkan itu hendaklah dibuktikan dengan terang di dalam Surat Pekeliling yang dihantar kepada tiap-tiap Ahli Jawatankuasa.</p> <p>b) Sekurang-kurangnya setengah daripada bilangan Ahli-Ahli Jawatankuasa mestilah menyatakan persetujuan dan bantahan mereka kepada cadangan itu</p> <p>c) Keputusan hendaklah dengan undi yang terbanyak. Sebarang keputusan yang didapati melalui surat pekeliling hendaklah dilaporkan Setiausaha kepada Mesyuarat Jawatankuasa kemudiannya untuk disahkan dan catitkan di dalam peringatan mesyuarat.</p> <p>7. Ahli Jawatankuasa yang mungkir menghadiri mesyuarat Jawatankuasa tiga (3) kali berturut-turut tanpa alasan yang memuaskan akan disifatkan sebagai telah meletakkan jawatan di dalam Jawatankuasa.</p> <p>8. Jika seseorang Ahli Jawatankuasa baru meninggal dunia atau meletakkan jawatan calon yang kedua mendapat undi terbanyak di dalam pemilihan yang lalu hendaklah dipanggil untuk memenuhi kekosongan itu. Jika calon yang sedemikian tidak ada atau menolak jawatan itu maka berkuasalah Jawatankuasa melantik ahli Pertubuhan yang lain memenuhi kekosongan itu sehingga Mesyuarat Agung Tahunan diadakan.</p>	<p><u>Pindaan Fasal 8 Klausa 5:</u></p> <p>8.5. Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam 3 bulan. Pengumuman bagi tiap-tiap mesyuarat hendaklah diberikan kepada ahli-ahli Jawatankuasa tujuh (7) hari terlebih dahulu. Presiden secara bersendirian boleh memanggil supaya diadakan Mesyuarat Jawatankuasa pada bila-bila masa. Sekurang-kurangnya setengah daripada bilangan ahli-ahli Jawatankuasa hendaklah hadir bagi mengesahkan perjalanan dan mencukupi korum mesyuarat</p>	<p>Penukaran perkataan Yang DiPertua ke Presiden. Memudahkan pentadbiran oleh Presiden memanggil untuk Jawatankuasa bermesyuarat.</p>

TAHUN 2015 (EGM 11.8.2018)	AKAN DIPINDA (TERKINI)	ULASAN
<p>9. Jawatankuasa boleh memberi arahan kepada Setiausaha dan lain-lain pegawai untuk menjalankan urusan-urusan <u>pertubuhan</u> dan melantik pengurus-pengurus dan kakitangan-kakitangan yang difikirkannya mustahak. Ia boleh menggantungkan atau melucutkan jawatan sebarang pengurus atau kakitangan kerana cuai di dalam pekerjaan, curang, tidak cekap, ingkar menjalankan keputusan Jawatankuasa atau kerana sebab-sebab yang difikirkan boleh merosakkan kepentingan Pertubuhan.</p> <p>10. <u>Jawatankuasa boleh menubuhkan Jawatankuasa Kecil jika difikirkan mustahak dan memberikan kewajipan khas kepada sebarang ahli Jawatankuasa.</u></p> <p>11. Jawatankuasa yang lama hendaklah menyerahkan semua dokumen Pertubuhan seperti sijil pendaftaran, perlembagaan pendaftar, salinan Penyata Tahunan, surat-surat maklumbalas, buku-buku akaun, buku bank, cek dan resit geran-geran tanah, senarai asset dan sebagainya kepada Jawatankuasa baru.</p>		

TAHUN 2015 (EGM 11.8.2018)	AKAN DIPINDA (TERKINI)	ULASAN
<p>FASAL 9 KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI</p> <p>1) Yang Dipertua, dalam masa jawatannya hendaklah menjadi <u>Pengerusi semua Mesyuarat Jawatankuasa</u> dan bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan semua mesyuarat. Ia mempunyai undi pemutus dan hendaklah ia menandatangani minit mesyuarat bila ia diluluskan.</p> <p>2) Timbalan <u>Yang DiPertua</u> hendaklah memangku jawatan <u>Yang DiPertua</u> semasa ketiadaannya.</p> <p>3) Naib <u>Yang DiPertua</u> hendaklah memangku jawatan Timbalan <u>Yang DiPertua</u> semasa ketiadaannya.</p> <p>4) Setiausaha hendaklah menjalankan kerja-kerja pentadbiran Pertubuhan mengikut undang-undang dan hendaklah ia menjalankan perintah Mesyuarat Agung dan Mesyuarat Jawatankuasa. Ia bertanggungjawab menguruskan hal ehwal surat-menyurat dan menyimpan semua buku-buku, surat-surat dan kertas kecuali kira-kira dan buku kewangan. Setiausaha hendaklah menyimpan buku daftar ahli yang mengandungi butir-butir seperti nama, umur, nombor kad pengenalan, pekerjaan, nama dan alamat majikan dan alamat kediaman tiap-tiap ahli. Ia hendaklah menandatangani semua cek-cek Pertubuhan bersama-sama dengan <u>Yang DiPertua dan Bendahari</u>.</p>	<p>FASAL 9 KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI</p> <p><u>Pindaan Fasal 9 Klausula 1 :</u></p> <p>9.1 Presiden, dalam masa jawatannya hendaklah mempengerusikan semua Mesyuarat Jawatankuasa/ Mesyuarat Agung/ Mesyuarat Agung Khas dan bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan semua mesyuarat. Ia mempunyai undi pemutus dan hendaklah ia menandatangani minit mesyuarat bila ia diluluskan.</p> <p>9.2 Timbalan Presiden hendaklah memangku jawatan Presiden semasa ketiadaannya.</p> <p>9.3 Naib Presiden hendaklah memangku jawatan Timbalan Presiden semasa ketiadaannya.</p> <p><u>Pindaan Fasal 9 Klausula 4 :</u></p> <p>9.4 Setiausaha hendaklah menjalankan kerja-kerja pentadbiran PEKAP mengikut undang-undang dan hendaklah ia menjalankan perintah Mesyuarat Agung dan Mesyuarat Jawatankuasa. Ia bertanggungjawab menguruskan hal ehwal surat-menyurat dan menyimpan semua buku-buku, surat-surat dan kertas kecuali kira-kira dan buku kewangan. Setiausaha hendaklah menyimpan buku daftar ahli yang mengandungi butir-butir seperti nama, umur, nombor kad pengenalan, pekerjaan, nama dan alamat majikan dan alamat kediaman tiap-tiap ahli. Ia hendaklah menandatangani semua cek-cek PEKAP bersama Presiden dan Bendahari apabila dikemukakan.</p>	<p>Memperkemaskan bidang kuasa Presiden dan menyatakan dengan khusus setiap jenis mesyuarat.</p> <p>Menukar nama-nama jawatan : - “Yang DiPertua” kepada “Presiden” “Timbalan Yang DiPertua kepada “Timbalan Presiden” “Naib Yang DiPertua” ke “Naib Presiden</p> <p>9.4 Menyatakan tanggungjawab bersama sebagai penandatanganan cek-cek PEKAP.</p>


TAHUN 2015 (EGM 11.8.2018)	AKAN DIPINDA (TERKINI)	ULASAN
<p>6) Bendahari hendaklah bertanggungjawab berkenaan semua hal ehwal kewangan Pertubuhan. Ia hendaklah membuat dan menyimpan kira-kira berkenaan semua perkara kewangan dan bertanggungjawab di atas ketepatan penyata kewangan Pertubuhan yang terdiri daripada penyata penerimaan dan perbelanjaan serta kunci kira-kira. Ia hendaklah menandatangani semua cek-cek Pertubuhan bersama-sama dengan <u>Yang DiPertua dan Setiausaha</u>.</p> <p>7) Ahli-ahli <u>Jawatankuase</u> hendaklah menjalankan kerja-kerja yang ditugaskan oleh mesyuarat Jawatankuasa.</p> <p>FASAL 10 KEWANGAN</p> <p>1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan berikut dalam perlembagaan ini wang Pertubuhan ini boleh digunakan untuk perkara-perkara yang berfaedah bagi menjalankan tujuan-tujuan Pertubuhan, termasuklah belanja pentadbiran, bayaran gaji, biayaan dan perbelanjaan pegawai-pegawai dan kakitangan yang bergaji serta upah juruaudit.</p> <p>2) Bendahari dibenarkan menyimpan wang tunai tidak melebihi RM1,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ribu Sahaja) pada sesuatu masa. Wang yang lebih dari jumlah itu mestilah dalam tempoh tujuh (7) <u>hari</u> dimasukkan ke dalam akaun bank atas nama <u>Peretubuhan</u>.</p> <p>3) Segala cek atau kenyataan pengeluaran wang dari akaun Pertubuhan hendaklah ditandatangani bersama oleh Yang DiPertua, Setiausaha dan Bendahari. Walaubagaimanapun, Jawatankuasa berhak melantik sesiapa antara mereka sebagai pengganti untuk menandatangani cek atau pengeluaran wang Pertubuhan semasa ketiadaan mana-mana penandatangan tersebut.</p>	<p><u>Pindaan Fasal 9 Klausu 6 :</u></p> <p>9.6 Bendahari hendaklah bertanggungjawab berkenaan semua hal ehwal kewangan PEKAP. Ia hendaklah membuat dan menyimpan kira-kira berkenaan semua perkara kewangan dan bertanggungjawab di atas ketepatan penyata kewangan Pertubuhan yang terdiri daripada penyata penerimaan dan perbelanjaan serta kunci kira-kira. Ia hendaklah menandatangani semua cek-cek PEKAP bersama-sama dengan Presiden dan Setiausaha.</p> <p>FASAL 10 KEWANGAN</p> <p><u>Pindaan Fasal 10 Klausu 1 :</u></p> <p>10.1 Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan berikut dalam perlembagaan ini, wang PEKAP ini boleh digunakan untuk perkara-perkara yang berfaedah bagi menjalankan tujuan-tujuan PEKAP, termasuklah belanja pentadbiran, bayaran gaji, biayaan dan perbelanjaan pegawai-pegawai dan kakitangan yang bergaji serta upah juruaudit.</p> <p>10.2 Bendahari dibenarkan menyimpan wang tunai tidak melebihi RM1,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ribu Sahaja) pada sesuatu masa. Wang yang lebih dari jumlah itu mestilah dalam tempoh tujuh (7) hari dimasukkan ke dalam akaun bank atas nama PEKAP.</p> <p>10.3 Segala cek atau kenyataan pengeluaran wang dari akaun PEKAP hendaklah ditandatangani bersama, oleh Presiden, Setiausaha dan Bendahari. Walaubagaimanapun, Jawatankuasa berhak melantik sesiapa antara mereka sebagai pengganti untuk menandatangani cek atau pengeluaran wang PEKAP semasa ketiadaan Bendahari yang dijangkakan melebihi 30 hari (uzur, luar negara dan tugas-tugas rasmi).</p>	<p>9.6 Menyatakan tanggungjawab bersama sebagai penandatangan cek-cek PEKAP.</p> <p>Nama Persatuan ke “PEKAP” sahaja.</p> <p>Penambahan koma selepas perkataan “ini”.</p> <p>Nama Persatuan ke “PEKAP” sahaja.</p> <p>Nama Persatuan ke “PEKAP” sahaja.</p> <p>Nama Persatuan ke “PEKAP” sahaja.</p>

TAHUN 2015 (EGM 11.8.2018)	AKAN DIPINDA (TERKINI)	ULASAN
<p>4) Perbelanjaan yang lebih daripada RM100,000.00 (Malaysia Satu Ratus Ribu) bagi sesuatu masa tidak boleh dibayar dengan tidak diluluskan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa, dan perbelanjaan yang lebih dari RM500,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Ratus Ribu Sahaja) bagi sesuatu masa tidak boleh dilakukan tanpa mendapat kebenaran Mesyuarat Agung terlebih dahulu. Perbelanjaan RM100,000.00 (Ringgit Malaysia Seratus Ribu Sahaja) dan ke bawah bagi sesuatu masa boleh diluluskan bersama dengan Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari.</p> <p>5) Tahun kewangan Pertubuhan ini hendaklah bagi tempoh 12 bulan iaitu bermula 1 Januari.</p> <p>FASAL 11 JURUAUDIT</p> <p>1) Dua (2) orang yang bukannya pegawai Pertubuhan boleh dilantik di dalam Mesyuarat Agung Tahunan sebagai Pemeriksa Kira-kira. Mereka akan memegang jawatan <u>merekna</u> selama dua (2) tahun dan boleh dilantik semula.</p> <p>2) Pemeriksa Kira-kira adalah dikehendaki memeriksa kira-kira Pertubuhan bagi setahun dan membuat laporan atau pengesahan untuk Mesyuarat Agung. Mereka harus juga dikehendaki bila-bila masa oleh Yang DiPertua mengaudit penyata kewangan Pertubuhan di dalam tempoh perkhidmatan mereka dan membuat laporan kepada Jawatankuasa.</p> <p>FASAL 12 PENTADBIR HARTA / PEMEGANG AMANAH</p> <p>1) Harta</p> <p>a) Pertubuhan mempunyai kuasa untuk <u>mempunyai</u>, mengguna dan melupuskan apa-apa harta alih atau tak alih. Pertubuhan juga mempunyai kuasa untuk membeli, memajak atau memperolehi tanah dan membina di atasnya apa-apa bangunan dan <u>kegunaan</u>, atau hasil daripada tanah, atau bangunan itu adalah semata- mata untuk mencapai tujuan dan cita-cita persatuan.</p>		

TAHUN 2015 (EGM 11.8.2018)	AKAN DIPINDA (TERKINI)	ULASAN
<p>b) Tiap-tiap hak tak alih iaitu tanah dan bangunan atau lain-lain kepunyaan Pertubuhan ini hendaklah didaftarkan atas nama Persatuan Kebajikan Anak-Anak Pahang di Ibu Kota (PEKAP).</p> <p>c) Kuasa untuk Pertubuhan membeli, mencagar, menjual, memindah dan memajak hartanah dan bangunan adalah tertakluk kepada Mesyuarat Agung dan kuasa untuk menyewa dan lain-lain terletak kepada Jawatankuasa.</p> <p>FASAL 13 PENTADBIR HARTA Pentadbir Harta</p> <p>13(a) Bagi maksud pemilikan harta tak alih, segala surat cara berkenaan dengan harta itu adalah sah dan berkuatkuasa seolah-olah surat cara itu telah disempurnakan oleh seorang tuan punya berdaftar dan syarat surat cara itu disempurnakan oleh tiga (3) orang pemegang jawatan Pertubuhan yang terdiri daripada Yang DiPertua, Setiausaha dan Bendahari yang ada pada masa itu dan perlantikan mereka adalah disahkan oleh satu (1) perakuan daripada Pendaftar Pertubuhan dan dimeterikan dengan meteri Pertubuhan.</p> <p>13(b) Pentadbir harta tidak berhak menjual, meggadai atau pun mencagar tanah atau harta Pertubuhan ini dengan tidak mendapat kebenaran Mesyuarat Agung. Bagi Harta yang berbentuk tanah, 'Caveat Pentadbir Harta' hendaklah didaftarkan.</p> <p>FASAL 13 TAFSIRAN PERLEMBAGAAN PERTUBUHAN</p> <p>1) Jika takdirnya terbit satu-satu soal atau perkara berkenaan dengan tafsiran di dalam perlembagaan ini, maka jawatankuasa berhak membincangkan serta memberikan keputusannya. Dalam hal ini, keputusan Jawatankuasa adalah muktamad jika tidak dibatalkan oleh Mesyuarat Agung.</p> <p>FASAL 14 PENASIHAT / PENAUNG</p> <p>1) Jawatankuasa Pertubuhan ini boleh jika difikirkan perlu melantik orang-orang yang layak menjadi Penasihat/ Penaung bagi Pertubuhan ini.</p>	<p>FASAL 13 PENTADBIR HARTA</p> <p>Pentadbir Harta</p> <p>PEKAP mempunyai kuasa untuk memiliki, mengguna dan melupuskan apa-apa harta alih atau tak alih. PEKAP juga mempunyai kuasa untuk membeli, memajak atau memperolehi tanah dan membina di atasnya apa-apa bangunan dan kegunaan, atau hasil daripada tanah, atau bangunan itu adalah semata-mata untuk mencapai tujuan dan cita-cita PEKAP.</p> <p><u>Pindaan Fasal 13 – ubah ke 14</u></p> <p><u>Pindaan Fasal 14 – ubah ke 15</u></p>	<p>Nama Persatuan ke PEKAP.</p>

TAHUN 2015 (EGM 11.8.2018)	AKAN DIPINDA (TERKINI)	ULASAN
<p>FASAL 15 LARANGAN</p> <p>1) Sebarang bentuk perjudian seperti yang ditafsirkan dalam Akta Rumah Judi Terbuka, 1953 adalah dilarang di premis Pertubuhan.</p> <p>2) Pertubuhan atau ahli-ahlinya tidak boleh mencuba menghalang atau dengan apa cara juga mengganggu perniagaan atau harga barang-barang atau mengambil peranan di dalam gerakan kesatuan sekerja seperti yang diterangkan di dalam Ordinan Kesatuan Sekerja 1959.</p> <p>3) Pertubuhan ini tidak boleh menjalankan loteri samada dikhaskan kepada ahli-ahli atau tidak, atas nama Pertubuhan atau pegawai-pegawainya atau Jawatankuasa atau ahli tanpa kelulusan daripada pihak berkuasa berkenaan.</p> <p>4) Faedah-faedah seperti yang diterangkan dibawah Seksyen Akta Pertubuhan 1966 tidaklah boleh diberikan oleh Pertubuhan kepada mana-mana ahli Persatuan.</p> <p>5) Semua wang dan keuntungan yang didapati oleh Pertubuhan ini hasil dari penyertaannya dalam kegiatan ekonomi hendaklah disalurkan kembali kepada Pertubuhan bagi mencapai matlamat Pertubuhan ini dan tidak boleh digunakan untuk membayar faedah, keuntungan atau bonus kepada mana-mana ahli Pertubuhan. Sungguhpun begitu peruntukan ini tidak menghalang sebarang pembayaran gaji atau perbelanjaan pentadbiran atau kedua-duanya kepada mana-mana ahli atau pekerja Pertubuhan.</p> <p>6) Pertubuhan ini tidak boleh menjalankan segala apa yang dilarang oleh Undang-undang yang berkuatkuasa di Negara Malaysia.</p>	<p>Pindaan Fasal 15 – ubah ke 16</p>	

TAHUN 2015 (EGM 11.8.2018)	AKAN DIPINDA (TERKINI)	ULASAN
<p>FASAL 16 PINDAAN PERLEMBAGAAN</p> <p>1) Perlembagaan ini tidak boleh diubah atau dipinda kecuali dengan keputusan Mesyuarat Agung. Permohonan untuk perubahan-perubahan dan pindaan-pindaan kepada undang-undang hendaklah dibuat kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 60 hari daripada tarikh keputusan hendak membuat perubahan dan pindaan itu dan hanya boleh dikuatkuasakan mulai daripada tarikh pindaan itu diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan</p> <p>FASAL 17 PEMBUBARAN</p> <p>1) Pertubuhan ini tidak boleh dibubarkan melainkan dengan persetujuan tidak kurang daripada <u>tiga (3) perlima</u> daripada ahli-ahli yang hadir dan berhak mengundi di Mesyuarat Agung yang dipanggil khas kerananya.</p> <p>2) Sekiranya Pertubuhan dibubarkan mengikut cara yang tersebut di dalam Fasal <u>17</u>, maka segala hutang dan tanggungan Pertubuhan yang sah mengikut undang-undang hendaklah dilunaskan. Baki wang dan harta alih yang tinggal hendaklah diselesaikan mengikut cara yang dipersetujui dalam Mesyuarat Agung tersebut.</p> <p>2) Kenyataan bersabit dengan pembubaran Pertubuhan hendaklah disampaikan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh keputusan pembubaran itu.</p>	<p>Pindaan Fasal 16 - ubah ke 17</p> <p>Pindaan Fasal 17 - ubah ke 18</p> <p>FASAL 18 PEMBUBARAN</p> <p>18.1 Pertubuhan ini tidak boleh dibubarkan melainkan dengan persetujuan tidak kurang daripada tiga perlima (3/5) daripada ahli-ahli yang hadir dan berhak mengundi di Mesyuarat Agung yang dipanggil khas kerananya.</p> <p><u>Pindaan Fasal 18 Klausa 2</u></p> <p>18.2 Sekiranya PEKAP dibubarkan mengikut cara yang tersebut di dalam Fasal 18, maka segala hutang dan tanggungan PEKAP yang sah mengikut undang-undang hendaklah dilunaskan. Baki wang dan harta alih yang tinggal hendaklah diselesaikan mengikut cara yang dipersetujui dalam Mesyuarat Agung tersebut</p>	

TAHUN 2015 (EGM 11.8.2018)	AKAN DIPINDA (TERKINI)	ULASAN
<p data-bbox="181 197 640 220">FASAL 18 BENDERA, LAMBANG DAN LENCANA</p> <ol data-bbox="154 261 315 416" style="list-style-type: none"> <li data-bbox="154 261 315 347">1. Bendera - Keterangan <li data-bbox="154 392 315 416">2. Lambang <div data-bbox="203 453 495 791" style="text-align: center;">  </div> <p data-bbox="203 831 730 1026">Keterangan Lambang Pekap adalah ejaan PEKAP dalam huruf Jawi Huruf Pa maknanya Persatuan Huruf Qaf maknanya Kebajikan Warna Putih melambangkan Perpaduan Warna Hitam melambangkan Kebajikan</p> <ol data-bbox="154 1070 315 1157" style="list-style-type: none"> <li data-bbox="154 1070 315 1157">3. Lencana - Keterangan <p data-bbox="237 1198 248 1214">-</p>	<p data-bbox="902 197 1196 220">Pindaan Fasal 18 – ubah ke 19</p> <p data-bbox="902 261 1361 312">FASAL 19 BENDERA, LAMBANG DAN LENCANA <u>Pindaan Fasal 19 Klausa 2</u></p> <p data-bbox="902 347 1429 370">Lambang PEKAP adalah ejaan PEKAP dalam huruf Jawi</p>	